

26 AUG 1996

Mahathir-China

CHINA DAN MALAYSIA BERSETUJU TINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 26 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan China hari ini bersetuju mengambil langkah-langkah bagi mempermudah lagi aliran pelaburan dan pertukaran lawatan antara rakyat kedua-dua negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri yang menemui rakan sejawatan Chinanya Li Peng di Dewan Besar berkata mereka berbincang mengenai keperluan meningkatkan lagi perhubungan dan pengangkutan udara antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan tahap kerjasama ekonomi antara Malaysia dan China.

"Tetapi saya fikir kita boleh lakukan lebih lagi...Kita berpendapat bahawa penglibatan pelaburan di China dan pelaburan China di Malaysia perlu dipertingkatkan lagi," kata beliau.

"Kami berpendapat aliran perdagangan dan juga rakyat kedua-dua negara perlu dipertingkatkan lagi," kata beliau.

"Lawat-melawati antara pegawai kerajaan dan ahli perniagaan antara kedua-dua negara perlu ditingkatkan lagi supaya ekonomi kita saling menyokong antara satu sama lain," tambah beliau.

Sebagai bukti kerjasama ekonomi yang erat antara kedua-dua negara, 15 perjanjian dan memorandum persefahaman mengenai usahasama Sino-Malaysia ditandatangani sepanjang empat hari lawatan kerja Perdana Menteri itu.

Mengenai isu Spratly, Dr. Mahathir berkata Li Peng telah menyatakan bahawa China mahu masalah itu diselesaikan melalui rundingan dan perbincangan dan bukan secara konfrontasi.

"Beliau berpendapat sehingga masalah ini kita selesaikan mengikut situasi sekarang dan bukan mengikut sejarah, kita akan dapat berkerjasama membangunkan kawasan itu bersama," kata beliau.

Menjawab soalan sama ada China telah mengubah pendiriannya sebelum ini tidak mahu membincangkan isu Spratly secara dua hala, Dr. Mahathir berkata: "Perdana Menteri Li tidak menyatakan yang kita akan menangani masalah ini secara dua hala."

Tetapi Li ada menyatakan bahawa beliau berharap untuk menyelesaikan masalah ini melalui rundingan dan ini boleh jadi termasuk rundingan berbagai hala, tambah beliau.

"Sudah tentu bagi ASEAN, kami ingin membangkitkan masalah ini sebagai satu perkara yang membabitkan sebilangan negara ASEAN," kata beliau.

Selain dari China dan Malaysia, Kepulauan Spratlys juga dituntut oleh Brunei dan Filipina.

Dr. Mahathir juga berkata Li Peng juga menyatakan sokongan penuhnya kepada penyertaan China dalam pembangunan Lembangan Mekong yang diselenggarakan oleh Malaysia termasuk projek rel keretapi.

Mengenai mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura Dr. Mahathir berkata: "Kita telah menjelaskan bahawa perdagangan tidak boleh dihubungkan dengan isu bukan perdagangan."

Beliau berkata ada forum-forum lain yang boleh digunakan untuk membincangkan isu-isu seperti alam sekitar dan hak asasi manusia dan menegaskan WTO perlu dihadkan kepada perbincangan mengenai isu-isu perdagangan sahaja.

Ianya tidak sepatutnya dihubungkan dengan isu-isu lain terutamanya sekiranya kaitan itu bertujuan menggugat pertumbuhan ekonomi mana-mana negara membangun.

Selain dari menemui Li Peng, Dr. Mahathir juga mengadakan perbincangan

dengan Naib Perdana Menteri China Zhu Rongji dan mengunjungi Presiden Jiang  
Malam ini Perdana Menteri menghadiri jamuan makan malam yang diberi  
oleh Li Peng di Dewan Besar. Beliau pulang ke Kuala Lumpur esok. -- BERNAMA  
ZS WAT